

11 JUL 2002

MATRADE-MIAMI/I

MATRADE BERHASRAT GUNA MIAMI SBG PUSAT KEGIATAN PEMASARAN BAGI PASARAN AMERIKA LATIN

SHAH ALAM, 11 Julai (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) merancang untuk menjadikan Miami sebagai pusat kegiatan pemasaran bagi produk Malaysia menembusi pasaran Amerika Selatan dan Caribbean, kata pesuruhjaya perdagangan Malaysia ke New York, Jamaludin Hussain.

Beliau juga menyarankan syarikat-syarikat Malaysia yang belum berdaftar dengan Matrade supaya berbuat demikian kerana mereka akan mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding mengusahakannya sendirian.

Mendaftar dengan Matrade juga membantu mereka mendapatkan kaji selidik pasaran terbaru, laporan negara dan menghadiri seminar yang dikendalikan oleh agensi itu, katanya dalam satu taklimat bersama yang dianjurkan oleh Matrade dan Pusat Pelaburan Negeri Selangor (PPNS).

Jamaludin juga menyarankan IKS dan PKS supaya merancang bagi tempoh jangka masa panjang dan Matrade akan membantu mereka memasuki pasaran AS menerusi pelbagai cara seperti mengambil bahagian dalam pameran perdagangan dan menyertai rombongan perdagangan khas.

"Tidak memadai jika kita hanya pergi ke sana sekali sahaja dan menyertai hanya satu pameran perdagangan. Sepatutnya terdapat kunjungan susulan kerana pengimport-pengimport AS juga mempunyai pilihan alternatif dari negara-negara lain," katanya.

Jamaludin juga menganggap pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden AS George W. Bush pada Mei tahun ini sebagai sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada komuniti perniagaan kedua-dua negara.

Merujuk kepada kelewatan dalam mendapatkan visa AS ekoran serangan pengganas pada 11 Sept lalu, beliau berkata masalah itu bukan sahaja dirasakan oleh ahli perniagaan Malaysia malahan rakyat Amerika juga.

Ahli perniagaan Amerika, katanya, juga mengadu kepada wakil mereka bahawa peraturan ketat bagi mendapatkan visa ketika ini telah melemahkan semangat ahli perniagaan asing untuk melawat AS. -- BERNAMA

SHS SHY ZK